

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ISMAIL BIN YUSOP**

**TARIKH : 21 SEPTEMBER 2020**

**SOALAN NO. 10**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah ada program atau kerjasama Kementerian dalam memupuk kesedaran terhadap bahaya memandu di bawah pengaruh alkohol dan jika ada, senaraikan program dan kerjasama tersebut.

---

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pengangkutan menerusi agensi-agensinya seperti Jabatan MIROS dan JPJ sentiasa secara berterusan melaksanakan program-program dan kerjasama berkaitan kesedaran keselamatan jalan raya di Malaysia secara keseluruhannya termasuklah berkaitan dengan aspek memandu di bawah pengaruh alkohol.
2. Salah satu program utama yang telah dilaksanakan oleh Kementerian adalah program Tiada Minggu Tanpa Advokasi (atau TMTA) yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2004 sehingga sekarang. Berdasarkan rekod, sehingga kini, sejumlah 1,866 Program TMTA telah dilaksanakan yang merangkumi seluruh kategori advokasi kempen keselamatan jalan raya.
3. Antara aktiviti utama di bawah TMTA adalah mengadakan sesi libat urus dan kerjasama dengan pihak premis jualan makanan, pengilang dan pusat hiburan bagi meningkatkan kesedaran berkaitan tanggungjawab dan tindakan pihak berkenaan termasuk dalam meningkatkan kesedaran berkaitan kesalahan memandu dalam keadaan mabuk. Program advokasi khas keselamatan jalan raya berkenaan bahaya memandu di bawah pengaruh alkohol juga telah diadakan di restoran-restoran dan bar di sekitar lembah kelang pada setiap minggu, yang dilaksanakan berselang seli dengan program keselamatan jalan raya yang lain seperti kepentingan menggunakan tali pinggang keledar dan sebagainya.

4. Program kempen *don't drink and drive* juga sentiasa dilaksanakan dan program terbaru adalah pada 17 Julai 2020 mulai pukul 5 hingga 11 malam di premis restoran dan premis menjual minuman keras di sekitar bandar Kajang dan Semenyih, Petaling Jaya dan Puchong. Program yang sama juga secara berterusan diadakan di seluruh negara termasuk di Pulau Pinang, Kuching dan Kota Kinabalu.
5. Selain itu, pihak Kementerian juga telah mengambil inisiatif untuk berbincang bersama pihak pengusaha atau pengilang minuman beralkohol untuk meminta pihak pengilang meletakkan label amaran bahaya pemanduan di bawah pengaruh alkohol.
6. Pihak Kementerian juga telah mengadakan sesi libat urus dengan pihak penyedia kenderaan perkhidmatan awam *e-hailing* bagi menyediakan perkhidmatan kepada individu yang telah mengambil minuman beralkohol. Sebelum ini menggunakan perkhidmatan radio teksi. Perkara ini bertujuan mengubah minda individu berkenaan untuk tidak memandu selepas mengambil minuman beralkohol, sebaliknya menggunakan kenderaan perkhidmatan awam.
7. Kementerian Pengangkutan dan semua agensi-agensi utamanya akan terus menggiatkan lagi aktiviti advokasi dan program pendidikan keselamatan jalan raya. Dalam pelaksanaan program-program sebegini, Kementerian Pengangkutan menyeru semua pihak yang berkepentingan termasuk NGO, pengusaha premis minuman/makanan, pengendali perkhidmatan pengangkutan awam dan lain-lain untuk untuk bekerjasama dengan Kementerian bagi menjayakan usaha ini ke arah menjamin kesejahteraan dan

**NO. SOALAN: 10**

keselamatan rakyat Malaysia. Pelbagai program, kemudahan dan inisiatif boleh diadakan dengan jayanya dengan sokongan dan penglibatan semua pihak.

Sekian, terima kasih.